

Media: Sinar Harian Online

Date: 26 Jan 2022

Ajinomoto Co. penaja rasmi Sukan SEA ke-31

NORSHAHZURA MAT ZUKI | 26 Januari 2022



AJINOMOTO Co. Inc. (Ajinomoto Co.) telah menandatangani persetujuan pada Selasa sebagai penaja rasmi Sukan Asia Tenggara ke-31 (Sukan SEA) yang akan diadakan di Vietnam pada Mei 2022.

Ajinomoto Co dalam satu kenyataan berkata, syarikat akan memberikan sokongan selaku penaja utama bagi kedudukan tertinggi Sukan SEA.

"Sukan SEA dianjurkan secara dwitahunan bagi membina kerjasama serantau, persefahaman dan perpaduan yang kukuh dalam kalangan masyarakat Asia Tenggara. Pada acara tahun ini di Vietnam, Ajinomoto Co. akan menjadi penaja utama bagi kedudukan tertinggi seperti acara yang lalu.

"Sejak 2003, Ajinomoto Co. telah mengusahakan Victory Project bagi menyokong situasi atlet berperingkat tinggi di Jepun serta melaksanakan aktiviti sokongan nutrisi dengan memanfaatkan kehebatan asid amino, termasuk menyediakan produk Kumpulan Ajinomoto seperti aminoVITAL dan mempromosikan Winning Meals Kachimeshi," jelas kenyataan itu pada Selasa.

Menurut kenyataan itu, sejak 2008 enam anak syarikat Kumpulan Ajinomoto di rantau ASEAN telah mengikuti ASEAN Victory Project bersama persatuan kesukanan, para atlet serta sekolah sukan di negara masing-masing.

"Ajinomoto Co. akan menggunakan tajaan rasmi Sukan SEA ini sebagai peluang untuk memberikan sokongan selanjutnya di bawah ASEAN Victory Project melalui anak syarikatnya di rantau ASEAN," kata kenyataan itu.

Ajinomoto Co. telah menujuhkan pangkalan perniagaan di Malaysia, Vietnam, Filipina, Thailand, Indonesia, Singapura dan lain-lain serta telah menjalankan perniagaan makanan pengguna di negara-negara tersebut selama beberapa tahun, lantas mengekalkan hubungan yang rapat dengan budaya makanan tempatan.

"Ajinomoto Co. akan terus memberikan sokongan kepada sukan dan menggunakan ilmu serta kehebatan asid amino untuk menyumbang kepada isu berkaitan makanan dan kesihatan manusia di setiap negara," kata kenyataan itu.



Iklan oleh Google

Hentikan iklan ini

Mengapa iklan ini? ⓘ